

# **MAJALAH AL-ISLAH DAN MASYARAKAT MELAYU TAHUN 70-AN**

## **(Al-Islah Magazine and Malay Community in 70s)**

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid\*

Hamidah binti Jalani\*\*

### **Abstrak**

*Kemunduran masyarakat Melayu merupakan isu teras sejak kolonial Barat meninggalkan Malaysia dan masih diperkatakan hingga ke hari ini. Kenyataan-kenyataan seperti "Melayu Mundur" dan "Kemiskinan Orang Melayu", sering diungkapkan dalam majalah Melayu dan pentas politik. Pelbagai usaha dan rancangan telah dan sedang dilaksanakan untuk mengeluarkan orang Melayu dari kepompong kemiskinan. Usaha yang berterusan ini tidak seharusnya dilihat dari sumbangan-sumbangan pihak tertentu semata-mata dengan menafikan beberapa usaha pihak lain yang juga memberi sumbangan ke arah kemajuan. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan idea-idea dan teguran dari majalah al-Islah untuk membangkitkan kesedaran ummah ke arah kemajuan. Majalah al-Islah (Feb 1970 – Ogos 1974) menjadi subjek perbincangan dalam makalah ini sebagai salah satu wadah untuk para cendiakawan Islam mengajak masyarakat Melayu bangkit dari kemunduran yang membelenggu mereka. Tiga isu disentuh dalam makalah ini iaitu isu pendidikan, ekonomi dan sosial yang merupakan isu teras dalam masyarakat Melayu.*

**Kata kunci :** Melayu, kemiskinan, kemunduran, Majalah al-Islah, Yusof Rawa

### **Abstract**

*Backwardness of the Malay community is the core issue since the West colonial left Malaysia and still being discussed to this day. Statements such as "Malays Backward" and "Malays Poverty" are often expressed in Malay magazines and political stage. Efforts and plans have been and are still being implemented to remove the Malays from poverty. Continued efforts should not be seen from the contributions of a particular party simply by denying some of the other efforts that have contributed towards the development. Therefore, this paper will discuss the ideas and comments from the al-Islah magazine to raise community awareness towards progress and development of the nation. Al-Islah Magazine (Feb 1970 - August 1974) is the subject of discussion in this paper could be regarded as a platform to invite Muslim scholars to rise against the backwardness of the Malay community. There are three issues addressed in this paper that include the issue of education, economic and social, which are among the core issue in the Malay community.*

**Keywords:** Malays, poverty, backwardness, al-Islah magazine, Yusof Rawa

---

\* Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, MUs, merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam,Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: faisal@um.edu.my.

\*\* Hamidah binti Jalani, BUS, merupakan calon ijazah tinggi, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam,Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: hamidahjalani@yahoo.com.my.

## Pendahuluan

Pada awal abad ke-20, keadaan kehidupan orang Melayu terutama di pedalaman adalah daif sekali. Mereka mundur dalam serba-serbi dan jauh ketinggalan berbanding orang bukan Melayu di bandar. Abdullah Haji Jaafar menjelaskan bahawa keadaan ini berlaku kerana orang Melayu tidak mendapat bimbingan dan panduan yang sebaiknya dari pihak yang berwajib. Bimbingan dan panduan yang dimaksudkan ialah golongan pemerintah Melayu yang pada ketika itu sama-sama tidak sedar ataupun sengaja tidak mahu sedar akan hal keadaan kemunduran orang Melayu dan bertindak memberi sokongan latihan dan modal untuk mengeluarkan orang Melayu dari kepompong kemiskinan mereka.<sup>1</sup>

Jika sekali lagi kita melihat kepada orang Melayu pada awal abad ke-20, rata-rata mereka beragama Islam dan kuat berpegang dengan ajaran agama. Namun apa yang peliknya ialah Islam merupakan suatu dasar hidup yang sempurna, bersifat dinamik dan progresif namun penganutnya adalah umat yang mundur dan dihina. Agama Islam menganggap dunia sebagai suatu yang baik dan dijadikan untuk faedah manusia iaitu satu-satunya agama yang meletakkan ilmu pengetahuan dan para ilmuwan di tempat yang utama dan tinggi sekali. Akan tetapi yang menjadi permasalahan kini ialah umat Islam di seluruh dunia pada amnya dan di Malaysia khususnya, bukan merupakan golongan yang berwibawa dalam menentukan perjalanan sejarahnya. Mereka sedang menghadapi tiga masalah penting dalam percaturan kuasa politik, ekonomi dan budaya dunia. Tiga permasalahan itu ialah kejahilan, kemiskinan dan ketidaksihatan masyarakatnya.<sup>2</sup> Walaupun sudah lama negara mencapai kemerdekaan namun kesan penjajahan Barat masih kuat mempengaruhi corak pemikiran masyarakat Melayu. Walaupun krisis Kristianisasi tidak berjaya ke atas masyarakat Melayu semasa penjajahan Barat, tetapi ia sedikit sebanyak telah melambatkan proses penyuburan intelektualisme dan rasionalisme Islam serta melewatkannya proses pengislaman secara sepenuhnya.<sup>3</sup>

Drs. Imam Munawir menyatakan bahawa terdapat empat faktor kelemahan umat Islam kini, (1) sikap konservatif kaum muslimin yang menolak segala perubahan, (2) golongan cendiakawan muslim yang buta konsep dan falsafah agama Islam, (3) penciplakan membabi buta terhadap segala pola kehidupan Barat, dan (4) timbulnya perpecahan dikalangan umat Islam yang melampaui batas kewajaran akal.<sup>4</sup> Lain pula pandangan Kassim Ahmad yang meletakkan kemunduran masyarakat Melayu di atas faktor ekonomi di mana “kelemahan ekonomi inilah

<sup>1</sup> Abdullah Haji Jaafar (1980), “al-Imam Dalam Nasionalisme Melayu”, *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 7.

<sup>2</sup> Dr Haji Faisal bin Haji Othman (1991), “Islam Dan Pembangunan Masyarakat Malaysia” dalam Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (ed.), *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 120.

<sup>3</sup> Indrawan Haji Mohd Yatim (2001), *Kebangkitan Islam Abad Ke 21 Renaissance Melayu*, Kuala Lumpur: Inter Perfection Sdn. Bhd., h. 136.

<sup>4</sup> Drs. Imam Munawir (1985), *Kebangkitan Islam Dan Tantangan-Tantangan Yang Dihadapi Dari Masa Ke Masa*, Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD, h. 130 – 136.

*yang menyebabkan kelemahan kita di lapangan-lapangan lain*”,<sup>5</sup> berbeza pula dengan *Al-Manar* yang menjadikan faktor kelemahan orang Melayu berhubungkait dengan tahap pemikiran bangsanya.

*“Pemikiran merupakan asas terpenting dalam kehidupan sesuatu bangsa. Ia bukti kepada kesuburan dan kemajuan atau kebekuan dan kemunduran bangsa. Bangsa yang tinggi nilai pemikiran memperlihatkan kesedaran dan tindakan politik yang tinggi dan matang, kedudukan ekonomi yang cemerlang dan kehidupan kemasyarakatan yang bertamadun. Sebaliknya negara yang rendah pemikirannya memperlihatkan kemunduran dalam semua bidang”*.<sup>6</sup>

Dalam keadaan yang menyediakan inilah maka tampil beberapa tokoh islah memperjuangkan nasib orang Melayu. Antara tokoh yang terlibat seperti Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azhari, Sayid Syeikh Ahmad al-Hadi, Haji Abbas Mohd Taha dan Syeikh Mohd Salim al-Kalali, Tuan Haji Yusof Rawa dan ramai lagi. Kesedaran ini adalah hasil pengalaman mereka yang hidup di kota-kota terutama Singapura dan pengalaman belajar serta pengaruh islah dari Timur Tengah, mereka dengan penuh azam dan tekad ingin mengerakkan reformasi kepada masyarakat Melayu terutamanya berkait dengan hal keagamaan.

Namun bagaimakah seharusnya jalan yang perlu dirintis untuk menyedarkan masyarakat Melayu seluruhnya? Bagaimakah cara yang paling baik untuk menyebarkan idea-idea dan fahaman-fahaman yang dikehendaki? Dan bagaimakah caranya untuk menyuarkan tuntutan, kritikan serta rintihan orang Melayu kepada pihak pemerintah?<sup>7</sup> Persoalan-persoalan itu akhirnya menimbulkan kesedaran yang membuka-buka untuk mewujudkan alat sebaran am sebagai media penyampai dan lidah rasmi kepada pemikiran islah. Maka di tahun-tahun awal abad ke-20 lahirlah majalah-majalah seperti *al-Imam*,<sup>8</sup> *al-Manar*, *Saudara*, *al-Ikhwan* dan *Pengasuh* yang digarap dengan kritikan, herdikan, desakan, pujuhan, rayuan, pemaparan dan sebagainya agar masyarakat Melayu sentiasa sedar akan kemunduran bangsanya sendiri dalam segenap aspek terutamanya hal pelajaran anak bangsanya.

<sup>5</sup> Kassim Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?” , *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970, h. 19.

<sup>6</sup> Abu Ammar (1998), “Serangan Pemikiran Dan Pengusaan Yahudi ke Atas Media”, *Majalah al-Manar*, Akademi Islam, Universiti Malaya, bil. 2, Januari-Jun 1998, h. 9.

<sup>7</sup>Ibid., h. 8.

<sup>8</sup> Majalah ini merupakan majalah pembaharuan keugamaan yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu dan senafas dengan aliran Muhammad Abdurrahman dan *majalah al-Manar* di Kaherah. Diterbitkan di Singapura pada 22 Julai 1906. Antara pengarangnya ialah Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azhari, Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi dan Haji Abbas bin Mohd Taha. Ditulis dengan huruf Jawi. Dicetak mula-mula oleh Matbaah Melayu Tanjung Pagar kemudian diambil alih oleh al-Imam Printing Company Ltd. Berukuran lebar 6.3 inci, panjang 8.6 inci. Mengandungi 32 halaman dan dikategorikan sebagai majalah bulanan. Penerbitannya diberhentikan pada 25 Dis 1908 iaitu selepas dua tahun beroperasi. Naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dari dekad ke dekad pendekatan islah cuba diterapkan ke dalam minda Melayu, namun perkembangan islah ini tetap mengalami proses pasang surutnya jua. Sekitar penghujung dekad 60-an dan awal dekad 70-an gerakan islah mula menyusut pudar. Suara-suara kesedaran mula dipinggirkan dan keadaan masyarakat Melayu masih lagi mengalami nasib yang serupa sama seperti yang diperbincangkan oleh *al-Imam* dalam awal abad ke-20. Keadaan ini berlarutan sehingga ke kemuncaknya, ramai yang menyedari akan keadaan ini. Pelbagai cara dan kaedah diambil bagi menghidupkan semula semangat islah dalam usaha mengajak manusia ke arah kebaikan dan memperbaiki segala penyelewengan yang mengantui masyarakat Melayu khususnya di Malaysia.

Memandangkan situasi yang meruncing itu, Tuan Guru Haji Yusof Rawa mengambil inisiatif dengan menerbitkan majalah *al-Islah* pada Februari 1970 sebagai kesinambungan kepada akhbar dan majalah yang diterbitkan sebelum ini. Majalah ini diberi nama *al-Islah* bersesuaian dengan namanya yang bertujuan memberikan suatu pemberian dan pembaharuan ke atas masyarakat Islam di samping “mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air”.<sup>9</sup> Majalah ini diterbitkan “bertujuan menyeru dan berdakwah selain menyeru umat berbuat baik dan melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan munkar”<sup>10</sup> dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan.

*Al-Islah* digambarkan sebagai perjuangan yang umum dan bebas di tengah-tengah dunia persuratkhabaran Islam di tanah air. Para penulis diberi kebebasan dalam melontarkan idea-idea Islamik sama ada dalam “bentuk rencana, cerpen, sajak, drama dan sandiwara, namun apa yang penting haruslah kita tekankan segala tulisan itu haruslah bercorak keislaman”.<sup>11</sup> Majalah ini diterbitkan ketika di ambang kemasukan tahun baru, tahun 1970. Ini kerana tahun sebelumnya, dianggap sebagai tahun “tunggang balik” atau “kacau bila.”<sup>12</sup> Pelbagai permasalahan umat Islam semasa menjadi fokus di dalam penerbitan majalah ini. *Al-Islah* dikatakan sering melontarkan beberapa permasalahan yang patut difahami oleh umat Islam dalam merealisasikan konsep perpaduan ummah. Tulisan dan garapan cendiakawan ini seakan-akan sebuah tingkap untuk kita menjenguk ke satu daerah yang jarang benar ditinjau, sama ada dari jauh ataupun dekat. Di tambah pula, penerbitan *al-Islah* juga dilihat sebagai usaha untuk menyebarkan gagasan reformasi dan semangat nasionalisme Melayu Islam yang cuba diterapkan dan mengasak pemikiran masyarakat Melayu ketika itu.

Melalui bahan penerbitan seperti majalah ini, pelbagai isu yang diketengahkan oleh para cendiakawan yang kebanyakannya berkisar mengenai bidang ilmu pengetahuan dan pendidikan, kemasyarakatan, politik, ekonomi, falsafah, sejarah

<sup>9</sup> Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 1, jil. 1, 15 Febuari 1970, h. 3.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 1, jil. 1, 15 Febuari 1970, h. 3.

<sup>12</sup> Yusof Rawa (1970), “Di Ambang Tahun Baru Hijriah 1390”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 2, jil. 1, 1 Mac 1970, h. 3.

dan sejarawan, sastera serta fenomena kehidupan masyarakat itu sendiri. Manakala konsep penulisannya pula, penerbit menegaskan bahawa majalah ini mempunyai kebebasan dalam bentuk penyampaiannya. Apa yang penting kebenaran yang hakiki itu perlulah diutamakan di dalam setiap aspek.

Kehangatan *al-Islah* mula dirasai oleh setiap masyarakat terutamanya generasi berpendidikan Islam. Yusof Rawa sendiri pernah menyatakan bahawa “*umat Islam di Malaysia harus menjadikan tahun 1970 M/1390 H sebagai tahun memulakan gerakan dakwah yang lebih cergas, lebih dinamis daripada gerakan di dalam tahun-tahun yang sebelumnya*<sup>13</sup> *dan terbitan ini adalah atas dasar dakwah bukannya atas dasar komersil...*<sup>14</sup>” Namun perjuangan dan pemikiran yang dibawa Yusof Rawa dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam Malaysia kepada perlunya kembali kepada Islam terpaksa dihentikan untuk selamanya dengan alasan *al-Islah* dikhawatir menjadi propaganda politik kepada PAS. Sehingga sekitar Ogos 1974 majalah ini diberhentikan penerbitan buat selama-lamanya.

Makalah ini akan membincangkan beberapa kritikan yang pernah diutarakan oleh majalah *al-Islah* dalam usaha menegur dan membina kembali maruah orang Melayu di tanah air sendiri. Antara perkara yang pernah disentuh oleh *al-Islah* ialah (1) isu pendidikan, (2) ekonomi dan (3) sosial. Ketiga-tiga isu ini bukanlah isu baru malah ianya sering menjadi topik utama majalah-majalah Melayu dalam dekad 70-an dan 80-an sebagai usaha mengisi erti kemerdekaan yang dicapai. Namun makalah ini cuba membicarakan ketiga-tiga isu tersebut dari perspektif *al-Islah* dengan harapan beberapa idea yang pernah dilontarkan oleh *al-Islah* dapat dijadikan panduan dan asas berpijak bagi menanggani kemelut orang Melayu kini.

### **Isu Pendidikan Masyarakat Melayu**

Ilmu dan pendidikan adalah antara faktor yang telah membentuk kegemilangan peradaban Islam suatu ketika dahulu. Tanda maju atau mundurnya sesebuah tamadun itu berkait rapat dengan maju mundurnya ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan merupakan aspek terpenting dalam merubah sesebuah masyarakat. Pendidikan yang sempurna akan dapat memandu manusia ke arah umat yang mulia sehingga dapat menjaga keselamatan diri, agama dan negara. Oleh itu, *al-Islah* banyak memberikan komitmen dan komentar mengenai masyarakat Melayu agar sentiasa memanfaatkan ilmu pengetahuan dan mengutamakan pendidikan dalam proses transformasi masyarakat Melayu untuk memperbaiki taraf kehidupan sosio ekonomi. Pelbagai isu telah disentuh oleh *al-Islah* dalam mengupas permasalahan yang menimpa umat Islam dalam dekad 70-an.

<sup>13</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengharapkan Hijriah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 4, jil. 1, 1 April 1970, h. 4.

<sup>14</sup> \_\_\_\_\_ (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Februari/ 1 Mac 1973, h. 2.

Antaranya ialah mengenai pentingnya pembentukan kurikulum pelajaran yang selari dengan falsafah pendidikan negara iaitu bertujuan melahirkan insan yang soleh berdasarkan kepercayaan, keyakinan serta kepatuhan kepada Tuhan. Pendidikan yang bertujuan melahirkan insan kamil tidak akan tercapai sekiranya kita mengamalkan sistem pendidikan berorientasikan pendidikan liberal yang lebih bersifat sekular. Justeru itu, bagi Yusof Rawa, bagaimana sesuatu matlamat pendidikan Islam itu dapat dicapai sekiranya dasar pendidikan itu sendiri lebih terarah kepada sistem sekular yang menolak nilai-nilai Islam yang utuh.

Beliau berharap jika sekolah vernikular Melayu tidak mampu membentuk insan yang menerima dasar Islam maka para pendakwah seharusnya berusaha membentuk generasi yang mampu menjadi pejuang agama bangsa yang berteraskan ajaran Islam yang sebenar. Kata beliau;

*“Pengajaran tidaklah cukup dengan hanya menumbuhkan angkatan-angkatan yang memahami matapelajaran-matapelajaran persekolahan sahaja, sama ada rendahnya mahupun tingginya, malahan seharusnya - menumbuhkan angkatan-angkatan yang - mempunyai kesanggupan, penuh bertanggungjawab dan betul-betul berguna dalam menghadapi dan mengharungi urusan penghidupan, sebagai anggota masyarakat, sebagai warganegara dan – yang akhir tetapi paling utama sekali – sebagai hamba Allah s.w.t. dalam erti sebagai hamba dalam ungkapan terakhir ini terlengkap segala yang terdahulu”<sup>15</sup>*

Menurutnya lagi, dalam melaksanakan aktiviti pendidikan dan pengajaran rakyat, kajian-kajian yang betul terhadap tabiat-tabiat manusia itu amat perlu supaya pendidikan yang diberi tidak akan bertentangan malah bersesuaian, saling sambut menyambut agar kemajuan itu dapat tumbuh dengan lancar dan kemakmuran terlaksana dengan baik dalam suasana aman dan damai berdasarkan norma-norma dan tabiat Melayu. Pendidikan dan pengajaran juga seharusnya bukan sekadar menumbuhkan badan dan akal yang sihat semata-mata, bahkan kesihatan jiwa juga perlu diutamakan dalam erti mempunyai akhlak yang baik dalam menyeimbangi tuntutan tabiat dan sunnah alam.

Oleh itu, dalam mencari penyelesaian permasalahan ini, beliau menyatakan guru perlu mengambil peranan dalam menjadi pendidik yang memikul tanggungjawab besar ini dengan penuh dedikasi. Seseorang guru itu hendaklah dipersiapkan dengan pengetahuan ilmu yang luas agar tidak berlakunya penyelewengan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tegas beliau;

*“Guru yang dipertanggungjawabkan, haruslah terdiri daripada orang-orang yang terdidik selengkapnya tidak terkecuali jiwanya, terdidik dengan sifat-sifat dan pembawa-pembawanya*

<sup>15</sup> Yusof Rawa (1970), “Kita Dan Pendidikan - Pengajaran”, Majalah al-Islah, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 12, jil. 1, 1 Ogos 1970, h. 3.

*yang diperlunya oleh prinsip-prinsip keguruannya, taat dan setia kepada negara, dikawal oleh peraturan yang kemas dan berkesan bagi menjamin tidak ada penyelewengan yang tidak diingini. Sebab penyelewengan itu adalah mensia-siakan usaha-usaha penyusunan rencana-rencana yang baik”.<sup>16</sup>*

Guru-guru juga digesa agar tidak semata-mata mengajar tetapi juga perlu menyelami permasalahan yang dialami oleh para pelajar agar tidak terdapat pelajar yang tercicir dalam memahami pembelajaran :

*“Maka si pengajar (guru) sebagaimana ia mesti tahu dan kenal betul-betul matapelajaran yang akan diajarnya, ia juga semestinya tahu dan kenal betul-betul akan murid-murid yang akan diajarnya. Kenal fizikalnya, kenal mentalnya dan kenal spiritualnya, kerana manusia ini – yang tidak cacat – biarpun sama-sama mempunyai anggota badan, sama-sama mempunyai akal fikiran dan sama-sama mempunyai jiwa raga, namun oleh nicar dan suasana keliling yang mungkin berbeza-beza, akan mungkin pula berbeza-beza perkembangannya”.<sup>17</sup> “Itulah dia ringkasan gambaran tugas dan tanggungjawab guru (pendidik), sebab itu apa sahaja kemajuan maka guru adalah pemegang saham utamanya”.*<sup>18</sup>

Dalam hal ilmu pengetahuan, Yusof Rawa menyokong penuh hasrat Raja al-Malik Faisal Ibn Abdul Aziz dari Arab Saudi yang berkunjung ke Malaysia menyeru umat Islam agar berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan untuk hidup bahagia di dunia di samping mengembangkan hasil-hasil negara dan memperbaiki kedudukan masyarakat. Yusof Rawa menyatakan, *“titah baginda sultan itu sungguh sesuai dan selaras dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang menjelaskan betapa pentingnya nilai ilmu pengetahuan kepada umat manusia menurut pandangan agama Islam”*.<sup>19</sup> Menurut beliau lagi, pendidikan itu merupakan suatu asas terpenting dalam membentuk program pembangunan diri dan masyarakat.

*“...sesiapa pun tahu bahawa sesuatu masyarakat yang menyedari kepentingan ilmu pengetahuan di kalangan rakyat, bukan sahaja menimbulkan kemudahan bagi angkatan pelajar-pelajarnya, malahan menggalakkan dan merangsangkan mereka, menerusi peranan-peranan pertanggungjawaban yang dimainkan oleh masing-masing anggota masyarakat dalam apa*

---

<sup>16</sup>Ibid.

<sup>17</sup> Yusof Rawa (1972), “Guru”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 17, jil. 3, 5 Mei 1972, h. 3.

<sup>18</sup>Ibid., h. 14.

<sup>19</sup> Yusof Rawa (1970), “Ucapan Raja, Raja Ucapan!”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 9, jil. 1, 15 Jun 1970, h. 3.

*sahaja bentuk dan ragamnya, sama ada spiritual mahupun materialnya”.*<sup>20</sup>

Beliau menambah lagi bahawa proses pendidikan itu merupakan gelanggang utama dalam menghadapi cabaran dan pelbagai anasir yang kurang sihat.

*“Maka lapangan pendidikan, pengajaran, cabang dan cawangan ialah gelanggang utama bagi silat pencak dalam menghadapi cabaran ini. Lapangan inilah yang akan menjamin kesaksamaan pertumbuhan angkatan masa datang yang akan memikul tanggungjawab-tanggungjawab yang pelbagai - berbagai-bagai lapangan yang diperlukan oleh kehendak-kehendak hidup rakyat dan negara dalam zamannya, dari segi keseorangan, kemasyarakatan, kewarganegaraan dan kehambaan diri berhadapan dengan ketuhanan Allah s.w.t.”*<sup>21</sup>

Dalam tulisan beliau tertajuk *Pembentukan Teknologi Dan Saintis*, beliau memetik pandangan seorang Wakil Rakyat dari PAS yang menyarankan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia agar membentuk suatu proses pembelajaran teknologi dan sains yang selari dengan pendidikan tauhid agar kelak tidak menjadi manusia yang hanya sekadar mendewakan sains dan teknologi semata-mata tanpa mengenal siapakah yang menciptakan alam ini. Ini kerana menurutnya melalui sains dan teknologi kita berupaya untuk mengenal segala rahsia dan hikmah-hikmah yang bermanfaat dan seterusnya memberikan keyakinan tentang bukti keesaan Allah s.w.t.

*“Bahawa di dalam membentuk angkatan teknologi dan saintis itu, janganlah hendaknya lupa – sekali lagi – saya katakan jangan lupa – menyertakan pendidikan tauhid, pendidikan beragama – agama apa pun – supaya angkatan itu tidak akan tergolong kelak menjadi manusia-manusia yang mendewakan sains dan teknologi semata-mata sehingga tipis sekali kepercayaan mereka kepada tuhan yang sebenar-benarnya meletakkan rahsia-rahsia dan hikmah-hikmah yang memanfaatkan oleh ilmu sains dan teknologi...”*<sup>22</sup>

Menurutnya, pada masa kini Islam tidak sesekali menghalang para penganutnya mempelajari ilmu sains dan teknologi atau lain-lain ilmu pengetahuan bahkan “datangnya Islam ialah mencairkan kebekuan berfikir...bukan sedikit ajaran-ajaran al-Quran yang merangsang kita menggunakan pandangan, pemerhatian dan pemikiran terhadap segala sesuatu ciptaan tuhan yang dijadikan faedah dan

<sup>20</sup> Yusof Rawa (1972), “Ekspos Pendidikan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 8, jil. 3, 1 Jun 1972, h. 3.

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 14.

<sup>22</sup> Yusof Rawa (1973), “Pembentukan Teknologi Dan Saintis”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 5 & 6, jil. 4, 15 April/1 Mei 1973, h. 30.

*manfaat manusia*”.<sup>23</sup> Oleh itu, bagi mengatasi permasalahan ini, beliau telah memberikan beberapa saranan dan cadangan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia agar mengkaji dengan lebih mendalam dasar pelajaran yang telah dibentuk sebelum ini agar pendidikan yang digarapkan itu dapat membentuk dan mendidik masyarakat ke arah sebuah masyarakat yang percaya kepada tuhan.

*“Kementerian Pelajaran wajar sekali mengkaji dengan mendalam dasar-dasar pelajaran yang ada sekarang ini supaya satu dasar baru dibuat yang benar-benar bila dilaksanakan dapat mendidik lalu membentuk masyarakat kita ke arah masyarakat bertuhan”.*<sup>24</sup>

Di samping itu, beliau juga turut menyarankan kepada badan-badan berkanun, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan dan NGO agar dapat memberikan cadangan dan pengkajian yang terperinci supaya sistem pembelajaran di sekolah rendah dan menengah disusun semula dengan dilibatkan dalam ahli jawatankuasa penggubalnya dari golongan alim ulama yang berfungsi memberi bimbingan ke arah masyarakat beragama dalam menghadapi cabaran hidup kebendaan yang kian berpengaruh di masa hadapan. Ini kerana beliau begitu yakin bahawa berpegang teguh kepada agama dalam segala lapangan menjadi elemen terpenting dalam menikmati ketenteraman dan ketenangan hidup. *“Percayalah! Bahawa yang akan lebih menjamin ketenteraman di dalam kehidupan dan penghidupan manusia ialah berpegang teguh dengan keimanan bertuhan...”*<sup>25</sup>

Beliau tidak bersetuju dengan sikap menudung jari serta saling tuduh menuduh kerana ianya bukanlah jalan penyelesaian terbaik. Apa yang lebih utama ialah mencari punca dan sebab-akibat segala permasalahan yang timbul. Contohnya di dalam sistem pembelajaran tulisan Jawi. Kemerosotan penggunaan tulisan Jawi di kalangan pelajar Melayu perlu kepada pengkajian secara terperinci. Setiap organisasi tidak perlu saling salah menyalahi antara satu sama lain. Segala permasalahan yang timbul perlu dicari punca-punca kesalahan, punca kerosakan atau punca penyakit secara betul-betul<sup>26</sup> agar usaha pembaikan dapat dilaksanakan dengan efektif dan produktif.

*“...menyalahkan lantai terjungkit tidaklah akan memandaikan menari. Begitu juga menyalahkan orang-orang Melayu dalam permasalahan kemerosotan tulisan Jawi, sebab ternyata mereka sendiri tidak begitu bersemangat. Tetapi tentu baik kalau kita cari jawapan kepada soalan : Mengapa mereka tidak bersemangat?. Dan kalau ada timbul lagi soalan berikutnya.*

<sup>23</sup>Ibid.

<sup>24</sup>Ibid.

<sup>25</sup>Ibid.

<sup>26</sup> Yusof Rawa (1971), “Memperbaiki Atau Mengubati”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 8, jil. 2, 1 Jun 1971, h. 3.

*Carilah jawapan sehingga sampai kepada satu kesimpulan yang benar-benar efektif dan produktif untuk dilaksanakan”<sup>27</sup>.*

Syed Nasir Ismail, Yang Dipertua Persekutuan Islam Selangor dalam tulisannya yang bertajuk “Aspek-Aspek Dalam Menghadapi Ancaman Missionari Kristian /Agama-Agama Lain Dan Menghadapi Konspirasi Kebudayaan Barat” ada menyatakan perihal mengapa umat Islam pada hari ini begitu terpengaruh dengan budaya Barat. Menurutnya, ada beberapa sebab mengapa orang-orang Islam sudah terpengaruh oleh Kristian dan kebudayaan Barat. Pertama, kerana kelemahan orang-orang Islam itu sendiri dalam memahami hakikat Islam yang sebenar. Kedua, kerana lebih mementingkan dan cenderung kepada aspek kebendaan.

*“...dan umat Islam juga didapati ramai yang memalingkan diri dari tujuan yang dikehendaki oleh Islam, sama ada mereka sedari ataupun tidak, banyaklah yang sudah dipengaruhi oleh berbagai-bagai-bagai faham yang bertentangan dengan hakikat Islam. Apabila telah ramai anggota masyarakat Islam yang meninggalkan kewajipan agamanya maka kaburlah pendidikan Islam akibat daripada mendambakan pendidikan ala Barat sehingga mereka menyatakan bahawa pendidikan Islam telah lapuk dan tidak sesuai dengan zaman moden sekarang”<sup>28</sup>.*

Beliau menambah lagi, keadaan ini bertambah parah lagi apabila institusi keluarga tidak mematuhi dan tidak mengerjakan ajaran-ajaran Islam, maka tidak dapat dinafikan bahawa anak-anak yang akan mewarisi angkatan akan datang tidak terdidik dengan pendidikan Islam. Padahal didikan yang baik di rumah amat diperlukan supaya anak-anak itu kenal dengan intisari dari pendidikan Islam yang sebenar.

Seorang penulis dari Melaka bernama Jaliluddin turut menyokong penuh kenyataan ini. Menurutnya bagi menyatukan umat Islam itu di dalam satu kesatuan, umat Islam perlulah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tentang agama Islam yang membawa maksud perdamaian, sejahtera dan selamat.

*“Sebagai langkah utama untuk mengumpulkan mereka dalam satu perikatan yang dinamakan perdamaian Islam dan kepercayaan mentauhidkan Allah, dengan menyiarakan pelajaran-pelajaran Islam sahajalah boleh menjamin keharmonian dan keamanan dunia”<sup>29</sup>.*

---

<sup>27</sup>Ibid.

<sup>28</sup>Syed Nasir bin Ismail (1970), “Aspek-Aspek Dalam Menghadapi Ancaman Missionari Kristian/Agama-Agama Lain Dan Menghadapi Konspirasi Kebudayaan Barat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang : Zi United Press,bil. 5, jil. 1, 15 April 1970, h. 16.

<sup>29</sup> Jaliluddin Melaka (1970), “Ke Arah Keharmonian Dan Kesejahteraan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 8, jil. 1, 1 Jun 1970, h. 13.

Beliau memetik kata-kata Prof. Dr. S.A.Haque dalam sebuah karyanya berjudul *Sumbangan Islam Terhadap Perdamaian Dunia* berkata :

*“Jika hukum-hukum dan pelajaran Islam yang berhubung dengan perang dilaksanakan dengan sempurna, nescaya dunia akan berada dalam syurga yang selamanya ini dicarinya, sebagai menggantikan neraka yang sedang ditujunya sekarang”.*<sup>30</sup>

Oleh itu, dari kata-kata yang dipetik oleh beliau membuktikan bahawa pelajaran agama itu adalah suatu yang amat penting dan menjadi langkah awal dalam pembentukan akhlak dan moral diri setiap individu. Pendidikan Islam adalah nadi dalam pembentukan jiwa dan makanan bagi rohani.

Dalam isu pendidikan ini juga seorang tokoh islah, Prof. Dato' Dr. Engku Umar Ahmad, Bekas Pengurus Kolej Islam Malaya yang juga seorang ahli sains Islam, meluahkan rasa amat kecewa dengan kemunduran pelajaran tinggi di kalangan orang-orang Melayu. Beliau mengatakan bahawa perkembangan “*di Malaysia ini, kemunduran pelajaran tinggi di antara kalangan orang-orang Islam sangatlah mengecewakan dan sangat dirasakan...*”<sup>31</sup>

Maka menurutnya haruslah bagi kita mengikut contoh Universiti al-Azhar, di Mesir dan Universiti Aligar di India yang melakukan dasar perubahan dalam sistem pendidikan sejarah dengan perubahan zaman. Dan bagi calon-calon mahasiswa dan bahasa pengantar yang harus digunakan di universiti mestilah terdiri dari calon-calon mahasiswa dari sekolah-sekolah menengah yang menggunakan bahasa pengantar Arab, Melayu dan Inggeris.

### **Isu Ekonomi Masyarakat Melayu**

Dalam isu ekonomi, *al-Islah* melihat bahawa permasalahan kemunduran masyarakat Melayu dalam dekad 70-an berpunca daripada permasalahan ekonomi atau permasalahan akhlak atau kedua-duanya sekali. Beliau menyatakan bahawa mengerjakan pembangunan tanpa disertai oleh aspek kerohanian, maka pembangunan itu akan membawa kepada keruntuhan dan perobohan yang saling menghancurkan.

*“Negara ialah manusianya..., dan titik utama negara ialah pada manusianya...dari itu..., pembangunan negara ialah pembangunan manusia... manusia terdiri daripada jasmani dan rohaninya..., maka hakikat manusia itu ialah rohaninya... sebab itu kegiatan usaha yang menganggap sepikan aspek-aspek rohani – sebenarnya – belumlah pembangunan lagi..., dan kalau sepi mencayang-cayangkan aspek-aspek kerohanian pula, maka*

---

<sup>30</sup>*Ibid.*

<sup>31</sup> Prof. Dato' Dr. Engku Umar Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?”,*Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970, h. 19.

*jadilah ia perobohan ataupun peruntuhan. Perobohan atau peruntuhan...perobohan atau peruntuhan manusianya, manusianya tentunya. Perobohan atau peruntuhan manusianya itu pula ialah perobohan atau peruntuhan negara juga”.*<sup>32</sup>

Dalam pembentukan jatidiri Islam dalam masyarakat Melayu, artikel bertajuk “Beberapa Jalan Kepada Amal Soleh” telah membincangkan permasalahan yang menimpa umat Islam pada dekad itu. Amalan soleh di kalangan umat Islam tidak sesubur seperti zaman kezuhudan para sahabat Rasulullah s.a.w. Di zaman ini masyarakat Melayu amat pincang dalam mengimbangi antara agama dan keseronokan dunia sehingga membawa kepada krisis akhlak yang nyata. Mengapa keadaan ini berlaku? Menurut *al-Islah*, keadaan ini berlaku kerana tenaga jihad yang bersungguh-sungguh tidak ada, kalaupun ada hanya terlalu kecil yang serba kekurangan sehingga tidak mampu menampung segala lompong yang terbentuk luas.

*“...kurang tenaga orang-orang yang sungguh-sungguh ikhlas, kurang pula alat-alat yang sampai kepada tujuan jihad sebenarnya, dengan keadaan sekarang yang besarnya ialah kekurangan wang. Tidaklah keterlaluan bahawa amal soleh melalui jihad yang sungguh-sungguh (hak jihad) tidak ada. Belum pernah kita bertembung dengan orang-orang yang berjual sebahagian hartanya kerana agama kerana membantu tempat-tempat pengajian agama atau menderma kepada badan-badan dakwah, tidak kedapatan orang-orang kaya atau yang bergaji besar setiap bulan membayar ansuran hutangnya kerana membantu orang-orang susah sengsara, belum ada sebuah kereta yang disedekahkan oleh orang kaya pelana kepada badan-badan tabligh atau kepada guru-guru sukarrelawan yang mengajar agama untuk kemudahan mereka. Belum terdengar orang Islam yang masuk penjara kerana hutangnya mendirikan masjid, atau hutangnya kerana belanja dakwah dan jihad”.*<sup>33</sup>

Oleh itu bagi mengatasi masalah ini, beliau memberikan garis panduan yang harus diikuti oleh setiap muslimin. Tegas *al-Islah* setiap muslimin itu perlu mengikis sikap tamak dan bakhil di dalam diri. Sentiasalah menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan bantuan. Di samping itu, *al-Islah* juga menyarankan kepada para pekerja bagaimana cara memperoleh keberkatan di dalam setiap pekerjaan yang dikerjakan.

*“Di samping bekerja syaratkanlah pula kepada pekerja-pekerja supaya menunaikan sembahyang dengan mengadakan tempat-tempat mereka berjemaah, dan pada setiap minggu adakanlah*

<sup>32</sup> Yusof Rawa (1973), “Sekilas Kenangan Di Ambang Ramadhan Yang Penuh Berkat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 14 & 15, jil. 4, 1/15 September 1973, h. 4.

<sup>33</sup> Abdul Rasyid Long (1970), “Beberapa Jalan Kepada Amal Soleh”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 7, jil. 1, 15 Mei 1970, h. 8.

*hari bekerja separuh masa dan yang separuh masa lagi itu hendaklah dipenuhi dengan belajar agama. Maka dengan cara seperti ini adalah berkesan terhadap golongan yang cintakan pekerjaan. Dan golongan yang seperti ini terlalu banyak sekarang”.*<sup>34</sup>

Andai cadangan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di samping peranan dari badan-badan dakwah dan daya usaha yang dimainkan oleh jabatan-jabatan agama Islam, oleh para guru di sekolah-sekolah agama, nescaya ruang yang kosong dalam kehendak syariat Islam dapat dipenuhi. Atau sekurang-kurangnya memberi tiupan roh agama kepada sebilangan besar orang yang memburu pekerjaan sedangkan mereka begitu dahagakan pelajaran agama.

Dengan pertambahan populasi penduduk Islam di seluruh dunia, Khurshid Ahmad di dalam artikelnya menyatakan bahawa kepesatan penduduk menjadi faktor utama kepada sumber perekonomian. Ini kerana menurutnya, setiap manusia yang dilahirkan ke dunia ini bukan hanya dianugerahkan anggota mulut dan perut semata-mata, sebaliknya manusia dibekalkan dengan anggota badan yang sempurna untuk melaksanakan tugas dalam mengembangkan sektor ekonomi. Maka jumlah kepesatan penduduk bagi beliau bukanlah punca sebenar kepada masalah pengangguran seperti yang difahami oleh kebanyakan orang.

*“Perkembangan penduduk dunia sekarang barulah dalam taraf permulaan. Sebab-sebab terjadinya pengangguran pula adalah kerana sistem ekonomi yang salah. Antara sebab-sebabnya ialah kapital atau modal terletak di tangan orang-orang atau golongan yang terbatas.”*<sup>35</sup>

Di samping itu juga terdapat beberapa faktor lain yang menjadi penghalang kepada kemajuan umat Islam di bidang ekonomi. Antaranya (1) kedudukan dankekayaan alam semulajadi yang belum diterokai sebagaimana semestinya, (2) faham kesejagatian yang seharusnya dijadikan dasar ekonomi dunia belum rencanakan dengan jayanya, (3) Pembahagian pengeluaran belum dilaksanakan secara adil. Banyak negara Islam yang mengalami lebihan pengeluaran disamping negara jiran yang amat memerlukan, (4) cara Barat mendedahkan kedudukan-kedudukan yang ada di negara timur Islam lebih banyak dipengaruhi oleh keuntungan golongan pemilik modal dan (5) banyak negara Islam yang mempergunakan kekayaan dan kemungkinan ekonomi negaranya hanya semata-mata untuk persiapan perang, bukan untuk kemakmuran rakyat negerinya. Justeru itu *al-Islah* membuat kesimpulan umum bahawa pembatasan kelahiran atau pencegahan kehamilan bukanlah suatu tindakan yang berkesan, tetapi merupakan satu cara putus asa yang lagi menggagalkan.

---

<sup>34</sup>Ibid.

<sup>35</sup>Ibid.

## Isu Sosial Masyarakat Melayu

Situasi masyarakat Islam yang begitu mundur jika dibandingkan dengan umat lain begitu ketara sekali akibat daripada pelbagai krisis masyarakat seperti kemiskinan, kejahilan, keruntuhan akhlak, perpecahan kaum, kepimpinan, pemerintahan dan sebagainya. Selain itu masyarakat Melayu juga begitu teruja dan terpengaruh dengan budaya Barat. Semuanya bermula apabila penjajah mendominasi pemerintahan tanah air. Kebodohan dan kelekaan yang diabaikan oleh orang Melayu telah memberi ruang kepada penjajah menebuksampan yang telah sedia karam.

Yusof Rawa menyatakan bahawa umat Islam pada dekad 70-an tidak akan terlepas dari menghadapi pelbagai cabaran dalam pelbagai aspek kehidupan. *Umat Islam tak pernah kekurangan cabaran yang sepatutnya dapat menunaskan keinsafan, menumbuh dan menyuburkan kesedaran ke arah mendekati, mengkaji, mempelajari susur galur pimpinan, petunjuk dan pengajaran Islam yang dianutinya*,<sup>36</sup> namun sebaliknya berlaku apabila masyarakat Islam mula meninggalkan pimpinan dan pengajaran Islam, kerosakan akan melata di muka bumi ini. Segala bentuk kemunduran dan kemerosotan akan segera bertunas.

Oleh itu, beliau menyeru kepada umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar sebagai persiapan di dalam mengenal khaliqnya, dalam pengurusan ekonomi, kemasyarakatan, pentadbiran negara dan sebagainya elemen agama seharusnya menjadi tuggak utama kepada aspek ketahanan dan kekuatan umat.

*“Berkenalanlah betul-betul dengan petunjuk Islam, ikutilah secukup-cukupnya, umat ini tidak akan dianiayai. Pimpinan, petunjuk dan pengajaran Islam adalah mengarahkan umatnya bersiap sedia dalam ketauhidan akidah dan ketauhidan kalimah, dalam kepandaian, kecerdasan ilmu pengetahuan, kestabilan perekonomian, keadilan kemasyarakatan, kekuatan dan kekentalan ketenteraan, malahan dalam apa sahaja. Dengan mengikuti pimpinan, petunjuk dan pengajaran Islam umatnya akan disegani dan berjaya”.*<sup>37</sup>

Menurut beliau, konsep perpaduan itu adalah amat penting dalam Islam sebagai suatu yang prinsipal dalam membina ketahanan serta kekuatan ummah. Kejatuhan umat Islam pada hari ini adalah disebabkan oleh hilangnya perpaduan di kalangan mereka dan tercetusnya perpecahan sesama mereka akibat dari pengaruh asabiyyah yang melampau. *“Kita ikuti bagaimana tumbuh di tengah-tengah kalangan umat Islam, perpecahan-perpecahan dalam bentuk berarab, berturki pula”*.<sup>38</sup>

<sup>36</sup> Yusof Rawa (1972), “Cabaran Menjelang Tahun Baru”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 22, jil. 2, 1 Januari 1972, h. 3.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 15.

<sup>38</sup> Yusof Rawa (1971), “Pulihkan Daya Hidup Islam Sejati”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil.13, jil. 2, 15 Ogos 1971, h. 3.

Dalam aspek perpaduan umat sejagat, beliau menyarankan agar masyarakat Melayu Islam berfikiran waras dengan menimbang kembali sikap asabiyyah yang melampau sehingga menjadikan mereka berpecah sesama sendiri dan sanggup menindas anak bangsa sendiri demi kepentinggan asabiyyah yang sempit. Tegas beliau

*“Orang-orang Melayu menjadi mundur kerana amalan sistem asabiyyah yang zalim. Sistem yang zalim itu mestilah dihancur-hancurkan. Usaha membantu orang-orang Melayu gagal kerana rasuah dan penindasan, maka rasuah dan penindasan mestilah dihancurkan”.*<sup>39</sup>

Ini kerana perpecahan yang terjadi kepada umat Islam khususnya di Tanah Melayu akan menyebabkan penjajah mengambil kesempatan di atas kelalaian kita sendiri dengan menjadikan bara dengki sebagai senjata yang memakan diri sendiri.

*“...penjajah menggunakan kesempatan-kesempatan terbuka, mencelahi-celah di celah-celah perpecahan itu, di mana antara kedua-dua pihak itu semakin diperluas, semakin diperdalam jurang yang meremangan romah dan menyeramkan rasa. Kita ikuti bagaimana Inggeris, bagaimana Amerika, bagaimana Rusia dari semasa ke semasa, dari secara ke secara, menyusup sasap di sela-sela perpecahan, menumbuhkan lebih banyak punca-punca pemecahan dan perpecahan, sehingga yang sudah mulai tenat menjadi semakin tenat lagi...”*<sup>40</sup>

Beliau menyeru dan mengesa masyarakat Melayu agar kembali kepada kewarasan budi dengan membetulkan sikap dan pendirian agar sentiasa menjadi satu binaan yang tersusun dan akhirnya membina sebiah tembok yang utuh bernaung di dalamnya sekelian anak bangsa:

*“Sekiranya belum lagi muslimin muslimat memperbetulkan sikap dan pendirian mereka, sudah sewajarnyalah dari sekarang ini membetulkan sila duduk untuk tegak siap bersedia menangkis seru-seru batin dan lahir, berbaris dalam satu barisan kukuh menyatakan ketauhidan yang kita yakini itu, semoga mendapat keredhaan Allah”.*<sup>41</sup>

Begitu juga menyarankan agar masyarakat Melayu dalam dekad 70-an agar mempelajari dan mengkaji mengapa di dalam diri setiap individu itu sering terpengaruh dengan begitu mudah kepada sebarang anasir yang kurang sihat dari

---

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Yusof Rawa (1971), “Pulihkan Daya Hidup Islam Sejati”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil.13, jil. 2, 15 Ogos 1971, h. 3.

<sup>41</sup> Yusof Rawa (1973), “Kita Tidak Kesendirian”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 12 & 13, jil. 4, 15 Julai, 1/15 Ogos 1973, h. 4.

luar. Ini kerana menurutnya manusia itu mempunyai daya hidup yang menjadi pertahanan yang membolehkannya kebal dalam menghadapi serangan pelbagai anasir luar. Beliau mengumpamakan manusia yang mempunyai daya hidup ini umpama seperti seekor ikan yang berada di lautan yang masin. “*Ikan laut yang hidup di laut, meskipun beberapa lama berendam di laut, selama ia masih punya daya hidup, tidaklah ia ikut menjadi masin*”.<sup>42</sup> Begitulah perumpamaan yang dibuat oleh Yusof Rawa. “*Apabila ia kehilangan kuasa vitalitynya, kuasa daya hidupnya, lalu mudah terserap oleh anasir-anasir asing maka hilanglah keperibadiannya, laksana pohon, lemah akar tunjangnya, lalu condonglah ia*”.<sup>43</sup>

Beliau menyeru kepada masyarakat Melayu agar menjadikan Islam sebagai sumber pertahanan yang kental dalam menghadapi pelbagai serangan musuh.

*“Dalam zaman sains dan teknologi ini, dalam zaman pemberangsangan lebih tertumpu kepada sains dan teknologi dan kepada perkembangan-perkembangannya, umat Islam tidaklah harus sama sekali memandang remeh kepada pengajaran, pimpinan dan pertunjuk Islam yang benar-benar, tidaklah pantas teraba-raba mencari pegangan yang disogokkan dari anasir-anasir asing”.*<sup>44</sup>

Mengapa beliau menyarankan sedemikian. Ini kerana menurutnya “*kita adalah umat wasatan menjadi syahadah ke atas manusia, bila kita kembali kepada daya hidup Islam kita dalam erti yang betul-betul, bukan pura-pura...*”<sup>45</sup> berpegang kepada akidah islamiah yang satu. Janganlah kita memperolok-lookannya seperti “*tangan kanan kita galakkan kemaksiatan, kemudian dengan tangan kiri pula, kita pura-pura mencegahnya dan mengajak-mengajak melakukan ketaatan*”.<sup>46</sup> Ini kerana “*kita seharusnya memperbaiki apa yang rosak, mana yang tak kena pada diri peribadi kita dengan sedar dan insaf. Janganlah kita masih tetap juga bertahan pada sifat-sifat hipokrasi...*”<sup>47</sup> yang akan membinasakan diri kita sendiri.

Di samping itu, dunia kini juga memerlukan sesuatu yang baru. Kepelbagaiannya fahaman, pegangan dan ideologi telah menyebabkan nilai-nilai kemanusiaan semakin merosot sedangkan dunia sedang berkembang dalam lapangan ilmu pengetahuannya. Ini menjadi satu kemusykilan kepada kita. Mengapa keadaan ini terjadi. Mengapa manusia berada dalam kegelisahan, tidak tenteram dan tidak berasa aman dengan kemewahan yang di kecapinya sekarang. “*Seolah-olah isi-isi kandungan kemajuan yang dicapai waktu ini merupakan racun dalam madu*”.

*“Bagaimana perundangan-perundangan dan pengetahuan-pengetahuan yang tiada mempunyai jiwa atau semangat*

<sup>42</sup> Yusof Rawa (1971), *op.cit.*, h. 18.

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> Yusof Rawa (1971), “12 Rabiul Awal Menjelang Lagi”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 6, jil. 2, 5 Mei 1971, h. 3.

<sup>47</sup> *Ibid.*

*semacam mana perundangan dan ajaran Islam itu dapat menghidupkan keharmonian sejagat, sedangkan keharmonian jiwa seseorang tidak lebih dahulu diusahakan, kegelisahan dan pertempuran dalam sesuatu jiwa yang berpunca dari kemajuan dan tamadun abad ke-20 yang pincang ini. Tegasnya kebendaan semata-mata sebagai dasar hidup bererti umpama senjata memakan diri tuannya sendiri”.<sup>48</sup>*

## Kesimpulan

Perbincangan mengenai keadaan kehidupan orang Melayu masih lagi panjang dan agenda perjuangannya masih lagi belum selesai. Mereka mundur dalam serba-serbi dan jauh ketinggalan berbanding orang bukan Melayu walaupun negara telah memasuki milenium baru. Untuk membawa mereka keluar semua tenaga perlu digembeling dengan memberi peluang, bimbingan dan panduan di samping sokongan latihan dan modal untuk mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan. Yusof Rawa melalui *al-Islah* banyak memberi teguran dan komentar agar usaha yang komprehensif diamabil bersama khususnya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosial seperti apa yang dinyatakan di atas. Beliau yakin bahawa setiap permasalahan yang timbul itu ada jalan penyelesaian. Apa yang perlu ialah mengenalpasti segala punca kerosakan, punca penyakit dan sebab kepada kemasuhan sesuatu permasalahan. Permasalahan jiwa dan punca sampingan perlu dibajai semula dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah agar menjadi benteng ketahanan yang kukuh dalam menyemai semangat kehidupan beragama dan bermasyarakat.

Dengan ini diharap perbincangan di atas telah mengetengahkan pandangan *al-Islah* dalam memberi gambaran dan kesedaran mengenai masyarakat Melayu dalam dekad 70-an agar para pembacanya terutama masyarakat Melayu sedar akan kemunduran mereka dan memperbaiki kelemahan mereka sendiri. Tidak ada yang mustahil, ini kerana menurut *al-Islah*, segala bentuk permasalahan itu akan dapat diselesaikan selagi kita berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. “*Alam ini tidaklah terlalu sempit, sehingga terdorong kepada kebuntuan, jalan keluar tentu ada, kalau kita mencari petua, akan banyaklah kita mendapatinya, kalau kita meminta petua, banyaklah pula kita diberi*”<sup>49</sup>.

Apa yang dihadapi oleh orang Melayu kini adalah persoalan yang sama dihadapi oleh orang Melayu dekad 70-an dan 80-an dahulu, apa yang membezakannya adalah rupa dan tempat sahaja namun pangkal permasalahan orang Melayu masih sama. Oleh itu sesekali seharusnya kita menjenguk ke belakang bukan untuk mundur tetapi mencari punca kesilapan silam demi kebaikan hari esok. Kata para ulama, “kembali kepada kebenaran adalah lebih baik dari kekal dalam kesilapan”.

<sup>48</sup> Jalaluddin Melaka (1970), “Ke Arah Keharmonian Dan Kesejahteraan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 8, jil. 1, 1 Jun 1970, h. 13.

<sup>49</sup> Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971, h.15.

## Rujukan

- Abdul Rasyid Long (1970), “Beberapa Jalan Kepada Amal Soleh”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 7, jil. 1, 15 Mei 1970.
- Abdullah Haji Jaafar (1980), “al-Imam Dalam Nasionalisme Melayu”, *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abu Ammar (1998), “Serangan Pemikiran Dan Penguasaan Yahudi ke Atas Media”, *Majalah al-Manar*, Akademi Islam, Universiti Malaya, bil. 2, Januari-Jun 1998.
- Engku Umar Ahmad (Prof. Dato’ Dr.) (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?” , *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970.
- Faisal bin Haji Othman (Dr Haji) (1991), “Islam Dan Pembangunan Masyarakat Malaysia” dalam Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (ed.), *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Munawir (Drs.) (1985), *Kebangkitan Islam Dan Tantangan-Tantangan Yang Dihadapi Dari Masa Ke Masa*, Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Indrawan Haji Mohd Yatim (2001), *Kebangkitan Islam Abad Ke 21 Renaissance Melayu*, Kuala Lumpur: Inter Perfection Sdn. Bhd.
- Jalaluddin Melaka (1970), “Ke Arah Keharmonian Dan Kesejahteraan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 8, jil. 1, 1 Jun 1970.
- Kassim Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?” , *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970.
- Pengarang (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Febuari / 1 Mac 1973.
- Syed Nasir bin Ismail (1970), “Aspek-Aspek Dalam Menghadapi Ancaman Missionari Kristian/Agama-Agama Lain Dan Menghadapi Konspirasi Kebudayaan Barat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang : Zi United Press,bil. 5, jil. 1, 15 April 1970.
- Yusof Rawa (1970), “Di Ambang Tahun Baru Hijriah 1390”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 2, jil. 1, 1 Mac 1970.
- Yusof Rawa (1970), “Kita Dan Pendidikan - Pengajaran”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 12, jil. 1, 1 Ogos 1970.
- Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 1, jil. 1, 15 Febuari 1970.
- Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 1, jil. 1, 15 Febuari 1970.
- Yusof Rawa (1970), “Mengharapkan Hijriah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 4, jil. 1, 1 April 1970.

- Yusof Rawa (1970), “Ucapan Raja, Raja Ucapan!”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 9, jil. 1, 15 Jun 1970 .
- Yusof Rawa (1971), “12 Rabiul Awal Menjelang Lagi”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 6, jil. 2, 5 Mei 1971.
- Yusof Rawa (1971), “Memperbaiki Atau Mengubati”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 8, jil. 2, 1 Jun 1971.
- Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971.
- Yusof Rawa (1971), “Pulihkan Daya Hidup Islam Sejati”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil.13, jil. 2, 15 Ogos 1971.
- Yusof Rawa (1971), “Pulihkan Daya Hidup Islam Sejati”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil.13, jil. 2, 15 Ogos 1971.
- Yusof Rawa (1972), “Cabaran Menjelang Tahun Baru”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 22, jil. 2, 1 Januari 1972.
- Yusof Rawa (1972), “Ekspo Pendidikan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 8, jil. 3, 1 Jun 1972.
- Yusof Rawa (1972), “Guru”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 17, jil. 3, 5 Mei 1972.
- Yusof Rawa (1973), “Kita Tidak Kesendirian”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 12 & 13, jil. 4, 15 Julai, 1/15 Ogos 1973.
- Yusof Rawa (1973), “Pembentukan Teknologi Dan Saintis”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 5 & 6, jil. 4, 15 April/1 Mei 1973.
- Yusof Rawa (1973), “Sekilas Kenangan Di Ambang Ramadhan Yang Penuh Berkat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press,bil. 14 & 15, jil. 4, 1/15 September 1973.